

AL-HIKMAH

Jilid 8 ISSN 1985-6822 2016
No. 1 1437

- PENGURUSAN STRESS MENURUT AL-QURAN DAN HADITH...3-18
Siti Noorsyafenas & Ahmad Yunus
- SHEIKH SA'ID HAWWA: LATAR BELAKANG DAN KETOKOHAN DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM...19-35
Mawaddah Baderun & Haziyah Hussin
- PERSEPSI MASYARAKAT ISLAM TERHADAP METODOLOGI DAKWAH PUSAT DAKWAH ISLAMIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM...36-53
Dyg Hjh Ummi Fa'izah, Salasiah Hanin Hamjah & Izzah Nur Aida
- KEISTIMEWAAN KAEDAH JAWI SEBAGAI METODE DAKWAH UNTUK PEMBELAJARAN AL-QURAN YANG BERKESAN: KAJIAN KE ATAS SKRIP JAWI... 54-68
Wan Mohd Azhar & Abdul Ghafar Don
- PENDEKATAN PENGUKUHAN PERSONALITI BAPA DALAM KALANGAN PESERTA DI LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)... 69-84
Izzah Nur Aida & Salasiah Hanin Hamjah
- TAHAP PEONTONAN FILEM GENRE DAKWAH DALAM KALANGAN AUDIEN DI MALAYSIA...85-101
Azimah Misrom & Rosmawati Mohamad Rasit
- JOHN L. ESPOSITO THE ISLAMIC THREAT: MYTH OR REALITY Oxford University Press: Oxford, 1992...102-107
Badlihisham, Syarifuddin & Linda Roziani

• حركة التأليف في مقاصد الشريعة ... 108-125

جبريل إسماعيل البركة وأحمد إبراهيم بن محار

Al-Hikmah 8(1) 2016: 36-53

Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Metodologi Dakwah Pusat Dakwah Islamiah Negara Brunei Darussalam

Perception of Muslim Society toward Dakwah Methodology Practiced by
Pusat Dakwah Islamiah Brunei Darussalam

DAYANG HJH UMMI FA'IZAH HJ ABDUL RAHMAN*
SALASIAH HANIN HAMJAH
IZZAH NUR AIDA ZUR RAFFAR

ABSTRAK

Dakwah berkembang di Negara Brunei Darussalam dengan begitu pesat sejak tahun 1950-an sehingga kini. Pelbagai institusi ditubuhkan dan bergiat aktif ke arah merealisasikan cabaran dakwah Islam termasuk Pusat Dakwah Islamiah. Namun pada masa kini, statistik masalah sosial dalam kalangan remaja di Negara Brunei Darussalam semakin meningkat dan membimbangkan pelbagai pihak. Institusi dakwah dilihat seolah-olah tidak berperanan dalam mengatasi masalah sosial di Brunei. Justeru itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis persepsi masyarakat Islam terhadap keberkesanannya metodologi dakwah Pusat Dakwah Islamiah dari segi gaya penyampaian. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Soal Selidik digunakan sebagai instrumen utama bagi mendapatkan data. Seramai 370 orang responden telah dipilih dalam kajian ini menggunakan persampelan bertujuan. Penganalisisan data pula dilakukan secara deskriptif menggunakan SPSS version 21 dan dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min (purata). Hasil kajian mendapati metodologi dakwah yang dilakukan oleh Pusat Dakwah Islamiah dari sudut gaya penyampaian berada pada tahap sederhana. Dapatkan ini menunjukkan Pusat Dakwah Islamiah perlu meningkatkan metodologi dakwah kepada masyarakat agar agama Islam lebih dihayati dan dijadikan sebagai panduan hidup masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam.

Katakunci: *Persepsi, masyarakat Islam, metodologi dakwah, Pusat Dakwah Islamiah, Brunei Darussalam*

ABSTRACT

Da'wah in Brunei Darussalam has been propagating steadily since the 1950s. Numerous institutions have been established and are active towards countering the dakwah challenges including the Islamic Dakwah Centre. However, the current statistics with regards to social ills among the youth are increasing and alarming various government bodies. The dakwah institution is seen as seemingly to have no role in countering these social problems in Brunei. Hence, objective of this study is to analyze the Muslim communities' perception of the dakwah methodology carried out by the Islamic Dakwah Centre. The research used a quantitative survey design where questionnaires were used as the main technique to collect the data. A total of 370 people were involved in the study. The data analysis was conducted using SPSS and presented in the form of regularity, percentage and mean (average). The study found that the Muslim communities' perception of the da'wah methodology by the Islamic Da'wah Centre is at a moderate level. These findings demonstrated that the Islamic Da'wah Centre should improve the methodology of da'wah to all communities, so that Islam would be more appreciated and used as guidance in Brunei Darussalam. The results of this study provide important implications for the Islamic Da'wah Center in designing plans and strategies for all the communities in Brunei Darussalam.

Keywords: *perception, Muslim communities', dakwah methodology, Islamic Dakwah Centre, Brunei Darussalam.*

PENDAHULUAN

Metodologi dakwah bererti cara, pendekatan, kaedah dan seumpamanya yang dilakukan secara teratur dan sistematik untuk memudahkan dan membolehkan sasaran menerima mesej dakwah atau mendapat keberkesanannya. Metodologi sangat besar peranannya dalam dakwah kerana ia menentukan keberkesanannya sesuatu dakwah yang diusahakan (Muhammad Khair Ramadhan t.t; al-Zain 1985; Khazri et al. 2015). Asas utama metodologi dalam dakwah telah dijelaskan oleh Allah SWT menerusi surah al-Nahl 16:125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدِّهِمْ بِالْيَتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَا نَصَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْحُكْمَتِيَّاتِ

Maksudnya:

Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Ketiga-tiga metodologi *al-hikmah*, *al-mau'izah al-hasannah* dan *al-mujadalah al-husna* dianggap sebagai kerangka utama uslub, cara dan gaya pendakwahan yang sesuai untuk diaplikasikan sepanjang masa dan pelbagai tempat. Sebahagian pengkaji ilmu dakwah menyatakan ketiga-tiga kaedah ini dikenali dengan istilah ‘*manhaj rabbaniyyah*’, iaitu merujuk kepada metodologi yang bersumberkan wahyu Allah SWT yang sangat pasti dan mutlak kebenarannya. Berdasarkan konsep ini, metode *al-hikmah*, *al-mau'izah al-hasannah* dan *al-mujadalah al-husna* boleh dikatakan tetap relevan sebagai kerangka teori utama dalam metodologi atau gaya penyampaian dakwah (Zulkiple 2010; Siti Rugayah 2011).

Antara saluran dan medium yang sesuai digunakan untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat Islam umumnya adalah menerusi penganjuran program atau aktiviti dakwah (Hisham Al-Talib 1992). Menurut Mahmudah (2006), program atau aktiviti dakwah adalah satu seruan atau ajakan yang mengandungi mesej ataupun dasar yang ada pengisian mengenai Islam termasuklah berita gembira dan amaran supaya manusia beriman kepada Allah dan mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan.

Sehubungan itu, maklum balas, persepsi, tanggapan dan pandangan masyarakat terhadap program dan aktiviti dakwah yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu merupakan suatu elemen penting untuk diberi perhatian. Hal ini membolehkan penganjur atau pendakwah mengukur sejauhmana tahap keberkesanan sesuatu program atau aktiviti dakwah yang telah dilaksanakan. Di samping itu, maklum balas seperti ini boleh memberi gambaran menyeluruh tentang hasil program dakwah yang diterima oleh masyarakat sekali gus menyediakan maklumat penting kepada pihak penganjur untuk membuat penambahbaikan kepada program dan aktiviti sedia ada dan aktiviti yang akan dirancang pada masa akan datang sejajar dengan keperluan dan kepentingan masyarakat yang bersifat semasa (Ab. Aziz 2005). Justeru, kajian mengenai persepsi masyarakat Islam terhadap metodologi dakwah sebegini sangat penting dijalankan demi memastikan keberkesanan dakwah dalam masyarakat.

PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Keruntuhan nilai akhlak dan kemanusiaan dalam kalangan masyarakat Islam kini telah berada pada tahap kritis dan sangat membimbangkan (Ahmad Redzuwan 2003) termasuklah di Negara Brunei Darussalam. Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk, Brunei Darussalam tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai masalah gejala sosial. Hal ini berikutan kes masalah sosial yang dicatatkan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Mengikut statistik yang didapati daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat Brunei Darussalam, dari tahun 2000 hingga 2006, sebanyak 1,388 orang remaja terlibat dengan kes buang bayi di bawah umur, kes penceraian dalam kalangan belia berumur 25 hingga 29 tahun meningkat 40% dari tahun 2000 menjadikan 439 kes pada tahun 2006. Di samping itu juga pelbagai jenis kegiatan tidak bermoral dalam kalangan belia berumur lingkungan 18 tahun dikenal pasti terlibat dalam kes gejala sosial seperti sumbang mahram, rogol, pecah rumah, penyalahgunaan dadah, memungut dan sebagainya (Mahmudah 2006).

Tambahan pula, jenayah siber seperti peras ugut dan pornografi kanak-kanak juga dicatatkan semakin menjadi-jadi termasuk kes ancaman melalui telefon, *facebook*, forum bual dalam talian dan *e-mail*. Bilangan statistik kes jenayah siber yang tertinggi dicatatkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei iaitu sebanyak 67 kes pada tahun 2012 dan 37 kes pada pertengahan tahun 2013 (Nunshah 2015). Selain itu, hasil statistik yang diperolehi daripada Unit Cawangan Pengawasan Biro Kawalan Narkotik (UCPKBN) daripada tahun 2010 hingga 18 September 2014 menunjukkan walaupun usaha-usaha pembanterasan jenayah yang berterusan dilakukan oleh pihak Biro Kawalan Narkotik, namun, jumlah Orang Yang Di Bawah Pengawasan (OYDP) masih mempunyai ‘Kes Berulang’ dalam kes dadah iaitu seramai 194 orang, 23 orang daripadanya mula terlibat dalam kes dadah ketika berumur 19 tahun ke bawah. Manakala, statistik terkini daripada Kementerian Kesihatan pada 23 November 2015 mencatatkan bahawa seramai lebih 200 orang remaja yang mengandung luar nikah (Mohamad Sanuse 2015).

Fenomena ini merupakan satu perkara yang agak merisaukan pelbagai pihak, lebih-lebih lagi Negara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk menjadi sebuah Negara Zikir dan seterusnya berhasrat untuk melaksanakan hukum syariah Islam sepenuhnya. Negara Zikir adalah sebuah negara Islam yang pemimpin dan rakyatnya sentiasa mengingati Allah dalam melaksanakan semua hal kehidupan berlandaskan Al-Qur'an

dan Al-Sunnah. Isu gejala sosial ini sungguh mengecewakan dan diakui sendiri oleh KDYMM baginda Sultan dalam titah baginda (Muhammad 2010). Selain itu, peningkatan gejala sosial di Brunei juga disebut oleh pembesar negara iaitu Dato Paduka Hj Abdul Wahab bin Juned, Timbalan Menteri di Pejabat Perdana Menteri semasa Majlis Penutup perkhemahan belia pada tahun 2012 terutama berkaitan dengan kes penyalahgunaan dadah dan persetubuhan haram (Abu Bakar 2012).

Justeru, senario ini membuktikan bahawa pentingnya pihak yang bertanggungjawab memikirkan tentang suatu mekanisme baru secara drastik, progresif, proaktif serta profesional demi menjana pembangunan insan yang sejahtera dan menjamin keutuhan umat daripada diganggu gugat oleh masalah insaniah yang melampau. Sebagai contoh, merealisasikan program-program dakwah dalam kalangan umat Islam, ia adalah satu agenda penting yang diperlu difikirkan bersama dengan mengambil daya inisiatif yang sewajarnya untuk membendung gejala keruntuhan akhlak daripada terus berlaku (Saerah Siraj 2006). Jika ditinjau di pusat gerakan atau pertubuhan dakwah yang ada, banyak program agama yang dilaksanakan. Ia bukanlah sesuatu yang baru dalam masyarakat kini. Boleh dikatakan setiap surau atau masjid telah mengatur programnya yang tersendiri untuk menarik minat umat Islam supaya menyertai program tersebut. Meskipun pelbagai program dakwah yang diatur, namun gejala keruntuhan akhlak dalam masyarakat kini masih lagi berada pada tahap yang kritikal.

Oleh yang demikian, demi mencapai sebuah Negara Zikir dan pelaksanaan hukum syariah Islam di Brunei Darussalam seterusnya membanteras gejala sosial yang makin berleluasa kini, perlunya kajian berkenaan keberkesanan dakwah yang dijalankan oleh organisasi dakwah kerajaan kepada masyarakat diberi perhatian dan diperkembangkan. Justeru, persoalan kajian ini adalah untuk mengenal pasti apakah sebenarnya persepsi masyarakat Islam terhadap metodologi dakwah Pusat Dakwah Islamiah di Negara Brunei?

OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini ditulis untuk menganalisis persepsi masyarakat Islam terhadap metodologi dakwah Pusat Dakwah Islamiah di Negara Brunei Darussalam.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian yang membincangkan tentang persepsi sesebuah masyarakat atau komuniti terhadap dakwah telah ada dilakukan antaranya yang mengkaji tentang persepsi mahasiswa Fakulti Tarbiyyah UIN Malang terhadap pengurusan dakwah Qalbu Aa Gym ke arah usaha memperbaiki diri (Darwanto 2000). Kajian beliau menggunakan kaedah temubual terhadap 10 orang mahasiswa yang dikenal pasti sentiasa menghadiri ceramah AA Gym. Hasil kajian mendapatkan responden bersetuju dengan metodologi dakwah yang digunakan AA Gym dalam proses pembentukan peribadi muslim. Siti Nafeesah (2006) pula mengkaji mengenai persepsi pelajar terhadap aktiviti dakwah dalam pembentukan akhlak jamaah dan masyarakat setempat di kolej 13, Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Hasil kajian beliau mendapatkan persepsi pelajar terhadap aktiviti dakwah yang dijalankan adalah baik, berikutan penglibatan responden yang amat mengalakkan dalam setiap aktiviti dakwah yang dianjurkan.

Manakala dalam kajian lain pula seperti yang dilakukan oleh Redzuan (2014), mengkaji mengenai persepsi masyarakat Cina di Brunei Darussalam terhadap agama Islam dan masyarakat Islam. Hasil kajian beliau mendapatkan bahawa majoriti responden mempunyai persepsi positif terhadap Islam dan mereka juga boleh memahami ajaran-ajaran yang terkandung dalam Islam dengan baik. Namun dari sudut minat mereka terhadap pemeluk agama Islam tidak memberangsangkan. Oleh itu, beliau mencadangkan agar Pusat Dakwah Islamiah Brunei Darussalam mengatur beberapa langkah yang strategik untuk menarik minat masyarakat Cina untuk memeluk agama Islam.

Perbincangan di atas menjelaskan bahawa belum banyak kajian yang mengkaji tentang persepsi masyarakat Islam terhadap keberkesanan metodologi dakwah Pusat Dakwah Islamiah di Brunei Darussalam secara spesifik. Jika ada pun, ianya hanya tertumpu atau berkisar mengenai aktiviti dakwah yang dijalankan oleh Pusat Dakwah Islamiah sahaja seperti kajian Aishah (1991) yang mengkaji tentang Pusat Dakwah Islamiah dan Islamisasi di Negara Brunei Darussalam. Kajian beliau mengupas mengenai perjalanan dakwah di Brunei Darussalam dan proses Islamisasi yang berlaku. Selain itu, beliau turut mengkaji respon masyarakat terhadap rancangan agama yang dikendalikan oleh Bahagian Media Pusat Dakwah Islamiah. Dalam kajian Ummy Fa'izah (2011) pula membincangkan mengenai persepsi kakitangan Pusat Dakwah Islamiah terhadap konsep Negara Zikir dan pendekatannya di Negara Brunei Darussalam. Hasil

kajian mendapati bahawa kakitangan Pusat Dakwah Islamiah mempunyai persepsi yang jelas dan positif terhadap konsep Negara Zikir dan pendekatannya di Brunei Darussalam. Kajian ini lebih tertumpu kepada penggerak dakwah iaitu kakitangan Pusat Dakwah Islamiah di Brunei. Kajian ini turut mencadangkan agar kajian dilakukan bagi mengkaji persepsi masyarakat pula tentang keberkesanannya dakwah yang telah dijalankan oleh Pusat Dakwah Islamiah dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, kajian ini adalah sangat wajar dilakukan dengan tumpuan terhadap persepsi masyarakat Islam terhadap keberkesanannya metodologi dakwah Pusat Dakwah Islamiah di Brunei Darussalam.

METODOLOGI DAKWAH

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan. Seramai 370 orang responden telah dipilih terdiri daripada kalangan masyarakat Islam di Daerah Brunei Muara, Brunei Darussalam. Daerah Brunei Muara dipilih sebagai kawasan kajian kerana daerah ini adalah pusat bandar Brunei di mana terletaknya semua Kementerian Pentadbiran Negara Brunei Darussalam. Selain itu, institut pengajian tinggi yang berada di daerah Brunei Muara membolehkan lebih banyak aktiviti dan program dakwah berpusat di daerah tersebut. Pemilihan responden dalam kajian ini dilakukan secara bertujuan (*purposive sampling*) dalam kalangan masyarakat Islam di daerah Brunei Muara berdasarkan 3 kriteria yang ditetapkan iaitu individu yang pernah menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh Pusat Dakwah Islamiah, berumur 20 tahun ke atas dan mempunyai berpendidikan *A level* ke atas sahaja. Instrumen utama yang digunakan dalam kaedah pengumpulan data di lokasi ialah borang soal selidik. Borang soal selidik yang digunakan oleh pengkaji telah diuji kebolehpercayaan terlebih dahulu dan memperoleh nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* yang tinggi iaitu 0.934. Oleh kerana nilai *alpha cronbach* bagi pemboleh ubah melebihi 0.6, maka instrumen kajian ini mempunyai ketekalan dan kebolehpercayaan yang baik serta boleh diterima (Sekaran 2003). Seterusnya, data yang diperoleh melalui borang soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistic Package for Social Sciences* (SPSS) version 22 dan dipersembahkan dalam bentuk peratusan, kekerapan dan min. Bagi mengetahui tahap nilai min bagi tiap-tiap pemboleh ubah yang dikaji, penyelidik menginterpretasikan skor min seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1 Interpretasi Skor Nilai Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Siti Fatimah & Ab Halim (2010)

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian dalam artikel ini akan membincangkan tentang persepsi masyarakat Islam terhadap metodologi dakwah Pusat Dakwah Islamiah Negara Brunei Darussalam fokus terhadap aspek gaya penyampaian. Taburan persepsi masyarakat Islam terhadap keberkesanan pendekatan dakwah daripada aspek gaya penyampaian adalah seperti jadual berikut:

Jadual 2 Taburan Keberkesanan Pendekatan Dakwah Dari Aspek Gaya Penyampaian

Item	Kekerapan (N) & Peratus (%)						
	STS	TS	TP	B	SB	Min	Tahap
Pusat Dakwah Islamiah menyampaikan dakwah kepada masyarakat dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami	9 (2.4)	19 (5.1)	43 (11.6)	237 (63.9)	61 (16.4)	3.87	Tinggi
Pusat Dakwah Islamiah ada menggunakan pendekatan mau'izah hasanah (nasihat yang baik) dalam menyampaikan dakwahnya	2 (0.5)	23 (6.2)	73 (19.7)	230 (62)	41 (11.1)	3.77	Tinggi
Pusat Dakwah Islamiah Ada Menyampaikan Dakwah Menggunakan Pendekatan Bercerita Kepada Sasaran Dakwah	4 (1.1)	22 (5.9)	92 (24.8)	219 (59.0)	32 (8.6)	3.69	Tinggi
Mesej dakwah yang disampaikan tidak terhad hanya kepada ilmu Fiqh sahaja	10 (2.7)	65 (17.5)	100 (27.0)	154 (45.5)	40 (10.8)	3.48	Sederhana

Pusat Dakwah Islamiah menjalankan Dakwah Dengan Lemah Lembut Sehingga Memberi Kesan Kepada Sasaran Dakwah.	8 (2.2)	41 (11.1)	147 (39.6)	154 (41.5)	19 (5.1)	3.37	Sederhana
Pusat Dakwah Islamiah menyampaikan dakwah kepada masyarakat dengan bijaksana (menyesuaikan isi kandungan dakwah dengan sasaran dakwah/masyarakat)	13 (3.5)	63 (17)	100 (27)	166 (44.7)	27 (7.3)	3.36	Sederhana
Pusat Dakwah Islamiah ada menggunakan pendekatan dakwah melalui kaunseling	4 (1.1)	23 (6.2)	203 (54.7)	122 (32.9)	17 (4.6)	3.34	Sederhana
Pusat Dakwah Islamiah menyampaikan dakwah kepada masyarakat bersesuaian tempat dan waktu.	5 (1.3)	48 (12.9)	129 (34.8)	186 (50.1)	3 (0.8)	3.31	Sederhana
Pusat Dakwah Islamiah menjalankan pendekatan dakwah berbentuk perdebatan dengan menjaga adab sebagai seorang pendakwah	12 (3.2)	49 (13.2)	170 (45.8)	117 (31.5)	21 (5.7)	3.23	Sederhana
Pusat Dakwah Islamiah ada menggunakan pendekatan dakwah secara diskusi kepada sasaran dakwah	20 (5.4)	51 (13.7)	170 (45.8)	107 (28.8)	21 (5.7)	3.16	Sederhana
Pusat Dakwah Islamiah menyampaikan dakwah kepada semua lapisan masyarakat yang ada di Brunei	32 (8.6)	87 (23.5)	119 (32.1)	104 (28.0)	27 (7/3)	3.02	Sederhana
Purata Keseluruhan						3.45	Sederhana
Sangat Tidak Setuju= STS, Tidak Setuju= TS, Tidak Pasti= TP, Bersetuju= B, Sangat Bersetuju= SB							

Sumber : Soal Selidik 2015

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan item ‘Pusat Dakwah Islamiah menyampaikan dakwah kepada masyarakat dengan menggunakan

bahasa yang mudah difahami' mencapai nilai min paling tinggi (min=3.87) diikuti item 'Pusat Dakwah Islamiah ada menggunakan pendekatan mau'izah hasanah (nasihat yang baik) dalam menyampaikan dakwahnya' (min=3.77), item 'Pusat Dakwah Islamiah ada menyampaikan dakwah menggunakan pendekatan bercerita kepada sasaran dakwah' (min=3.69), item 'Mesej dakwah yang disampaikan tidak terhad hanya kepada ilmu Fiqh sahaja' (min=3.48), item 'Pusat Dakwah Islamiah menjalankan dakwah dengan lemah lembut sehingga memberi kesan kepada sasaran dakwah' memperoleh (min=3.37), item 'Pusat Dakwah Islamiah menyampaikan dakwah kepada masyarakat dengan bijaksana (menyesuaikan isi kandungan dakwah dengan sasaran dakwah/masyarakat)' (min=3.36), item 'Pusat Dakwah Islamiah ada menggunakan pendekatan dakwah melalui kaunseling' memperoleh nilai (min=3.34), item 'Pusat Dakwah Islamiah menyampaikan dakwah kepada masyarakat bersesuaian tempat dan waktu' (min=3.31), item 'Pusat Dakwah Islamiah menjalankan pendekatan dakwah berbentuk perdebatan dengan menjaga adab sebagai seorang pendakwah' (min=3.23), item 'Pusat Dakwah Islamiah ada menggunakan pendekatan dakwah secara diskusi kepada sasaran dakwah' (min=3.16) dan seterusnya diikuti item 'Pusat Dakwah Islamiah menyampaikan dakwah kepada semua lapisan masyarakat yang ada di Brunei' (min=3.02). Secara purata keseluruhan bagi item-item tersebut adalah min=3.45.

Hasil kajian menunjukkan Pusat Dakwah Islamiah menyampaikan dakwah kepada masyarakat dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami dan mencapai nilai min yang tinggi iaitu min=3.87. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan penceramah dari Pusat Dakwah Islamiah tidak menggunakan bahasa yang tinggi ketika berdakwah dan lebih gemar menggunakan Bahasa Melayu Brunei. Dapatkan ini disokong oleh Zaydan (1976) yang menjelaskan bahawa pendakwah hendaklah memperhatikan kedudukan bahasa atau perkataan yang digunakan dalam penyampaian dakwah, kerana bahasa itu sendiri sangat berkesan dalam jiwa manusia. Bahasa yang jelas, terang serta boleh difahami merupakan alat utama dalam menyampaikan kebenaran. Justeru, pendakwah perlu menghindari perkataan yang sukar untuk difahami dalam konteks *mad'u*. Hal ini bertujuan agar ceramah lebih mudah difahami dan lebih dekat kepada masyarakat itu sendiri. Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nahl 16:35:

فَهَلْ عَلَى الْرُّسُلِ إِلَّا أُمْلَأُوا مُلْكُهُمْ

Maksudnya:

Maka tidak ada kewajipan ke atas rasul-rasul, selain dari menyampaikan agama Allah dengan terang dan nyata.

Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan responden bersetuju bahawa Pusat Dakwah Islamiah menggunakan pendekatan *mau'izah hasanah* (nasihat yang baik) dalam menyampaikan dakwah (min=3.77). Dapatkan ini selari dengan kajian Amaludin (2008) yang menyatakan bahawa *al-mauizah al-hasanah* dalam dakwah bermaksud usaha untuk menghindarkan manusia daripada melakukan perkara yang buruk dengan cara menimbulkan minat dan ransangan untuk meninggalkan serta menanam rasa tidak mahu melakukannya. Ini akan melembutkan jiwa dan memberi petunjuk kepada hati dan seterusnya membawa kepada kesedaran diri. Wan Hussein Azmi (1995) juga turut bersetuju bahawa pendekatan *al-mauizah al-hasanah* ialah suatu kata nasihat dengan sebaik-baik perkataan untuk menimbulkan rasa jijik dan benci kepada perkara yang buruk bahkan timbul keazaman untuk meninggalkannya, serta meransang untuk berbuat kebaikan. Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nahl 16: 125 seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Ayat tersebut menunjukkan bahawa dakwah mempunyai cara dan uslub tersendiri. Jika dakwah disampaikan tanpa menggunakan pendekatan khusus, dakwah yang disampaikan bakal menjadi kurang berkesan kepada sasaran dakwah. Oleh itu, uslub dan cara sangat penting dalam dakwah. Ada kemungkinan uslub dan cara yang digunakan lebih memburukkan suasana atau menyebabkan manusia lari dan menjauhkan diri (Ubaidillah Alias 2010; Abdul Ghafar & Hailan 2009).

Di samping itu, item ‘Pusat Dakwah Islamiah ada menyampaikan dakwah menggunakan pendekatan bercerita kepada sasaran dakwah’ mendapat persetujuan responden sebanyak 67% (251 orang). Ini menunjukkan penceramah Pusat Dakwah Islamiah menyampaikan dakwah dengan cara bercerita tentang kisah-kisah bermesej sama ada daripada al-Qur'an maupun al-Sunah. Dapatkan ini turut disokong oleh Nurul Fathiyah (2011) yang menjelaskan bahawa *al-qissah* dalam al-Qur'an mempunyai bentuk, tema, cara pengungkapan serta pengaturan perisitiwa-peristiwa yang khusus. Bentuk penceritaan ini mempunyai matlamat tertentu dan mempunyai rahsia di sebalik setiap sesuatu *al-qissah* tersebut. Antara fungsi *al-qissah* dalam al-Qur'an dapat menyentuh jiwa agar menerima pelajaran dan nasihat secara tidak langsung, membentuk disiplin diri, contoh teladan kepada masyarakat, penawar jiwa, mengajak manusia berfikir dan membentuk jati diri. Dapatkan kajian ini juga selari dengan

pendapat Wan Hussien Azmi (1988) yang menyatakan bahawa cerita boleh menjadi satu alat penerangan dalam berdakwah. Cerita menggambarkan segala aspek kehidupan dan menurut beliau pendakwah hendaklah menggunakaninya. Sebaik-baik cerita ialah cerita al-Quran yang meneguhkan iman dan berfungsi menyempurnakan budi pekerti dan juga menjadi kuat asas-asas kemajuan Islam. Jelas, penceramah-penceramah dari Pusat Dakwah Islamiah perlu mengekalkan pendekatan bercerita kepada sasaran dakwah kerana tidak dinafikan bahawa pendekatan dakwah melalui kaedah bercerita memberi impak yang positif terhadap sasaran dakwah. Hal ini akan lebih meyakinkan hati *mad'u* terhadap dakwah yang disampaikan.

Hasil kajian juga mendapati item ‘Mesej dakwah yang disampaikan tidak terhad hanya kepada ilmu Fiqh sahaja’ (min=3.48). Ini menunjukkan Pusat Dakwah Islamiah sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan kandungan dakwah kepada masyarakat dengan mengikut kesesuaian sasaran dakwah. Ia boleh dilihat dengan kepelbagaian kursus dan aktiviti yang dikendalikan oleh Pusat Dakwah Islamiah kepada masyarakat. Dalam hal ini, Abdul Karim Zaydan (1979) menjelaskan bahawa tidak dinafikan ilmu Fiqh adalah penting bagi mencapai kesempurnaan dalam beribadat, namun banyak lagi aspek lain dalam Islam yang perlu ditekankan contohnya dalam aspek aqidah dan akhlak. Oleh itu, kepelbagaian ilmu dalam dakwah sangat penting agar *mad'u* melihat ajaran Islam lengkap dan menyeluruh. Ini selaras dengan firman Allah SWT yang menyuruh umat Islam mengamalkan Islam secara menyeluruh seperti dalam surah al-Baqarah 2:208:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوْا فِي اُسْلِمٍ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُو خُطُونَتِ الْشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَذُوْرٌ مُّبِينٌ

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya setan itu musuh yang nyata bagimu.

Selain itu, item ‘Pusat Dakwah Islamiah menjalankan dakwah dengan lemah lembut sehingga memberi kesan kepada sasaran dakwah (min=3.37) memperoleh persetujuan yang sederhana iaitu 46.6% (137 orang). Dapatkan ini selaras dengan tulisan Ab. Aziz (1999) yang menjelaskan bahawa dakwah yang dilakukan secara halus akan dirasakan sebagai suatu pujiyan yang boleh membangkitkan motivasi sasaran untuk kembali kepada fitrahnya. Bahkan, penyampaian dakwah menggunakan pendekatan lemah

lembut akan membuka ruang di hati *mad'u* untuk menerima dakwah dengan lebih berkesan. Hal ini sebagaimana dakwah yang dilakukan oleh para Rasul dan Nabi terdahulu yang mendahuluikan kelembutan berbanding kekerasan dalam dakwah. Sebagai contoh, Nabi Ibrahim ketika berdakwah kepada ayahnya, tidak menakutkan dengan seksaan Allah, tetapi dakwah baginda dijalankan dengan memberikan contoh anak yang baik dan jahat, perkataan baginda tidak keras, tidak kejam dan mengejutkan, bahkan baginda berbicara kepada ayahnya dengan penuh kesopanan dan penghormatan menggunakan kata-kata yang halus dan isyarat yang baik (al-Sabuni 1996). Ini selari dengan firman Allah SWT dalam surah Ali-'Imran 3:159 :

فِيمَا رَحْمَةً ۝ مِنْ أَلَّهِ لَيُنْتَهِ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَطَّالْ عَلَيْهِ الْقَلْبُ لَانْفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ
لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي أَمْرٍ فَإِذَا عَرَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَىَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maksudnya:

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaular engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonkanlah ampun bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasih orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

Hasil kajian juga menunjukkan Pusat Dakwah Islamiah menggunakan pendekatan kaunseling dalam proses menyampaikan dakwah ($\text{min}=3.34$). Dapatkan ini bertepatan dengan kajian Aida (2012) yang menyatakan pengurusan kaunseling yang berkonsepkan Islam adalah wajar diperaktikkan oleh semua pendakwah kerana kaunseling Islam adalah lebih dekat dengan fitrah semulajadi dan gaya hidup manusia. Ia turut dipersetujui oleh Zainab (2006) yang menjelaskan bahawa kaunseling perlu diterapkan dalam nilai-nilai dakwah iaitu *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy al-munkar* meliputi aspek aqidah, syariah dan akhlak. Dengan adanya penerapan nilai dakwah dalam kaunseling, seseorang yang menghadapi konflik dapat menyelesaikan masalah yang dihadapinya selaras dengan

kehendak Islam. Ini adalah kerana nilai-nilai dakwah dapat membantu perkembangan intelek, rohani, emosi dan sosial seseorang serta membentuk pemikiran yang matang, terbuka, kreatif dan produktif. Justeru, jelas pendekatan kaunseling ini merupakan salah satu pendekatan dakwah yang wajar diteruskan di Pusat Dakwah Islamiah khususnya.

Dalam hal ini, Pusat Dakwah Islamiah menggunakan kaedah kaunseling apabila terdapat individu yang mempunyai kekeliruan dalam soal aqidah atau kefahaman Islam hingga boleh mengakibatkan seseorang itu keluar dari agama Islam. Isu sebegini lebih berkesan jika dikendalikan dalam bentuk kaunseling. Selain itu juga, perkhidmatan kaunseling juga terdapat di sekolah-sekolah, institut pengajian tinggi dan juga di institusi Kerajaan di Negara Brunei Darussalam (Pusat Dakwah Islamiah 2011). Meskipun, item ‘Pusat Dakwah Islamiah ada menggunakan pendekatan dakwah melalui kaunseling’ mendapat persetujuan sebanyak 37% (139 orang). Namun, masih ada responden yang tidak tahu pendekatan dakwah melalui kaunseling dijalankan oleh Pusat Dakwah Islamiah. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa pendekatan dakwah melalui kaunseling Islam masih perlu didedahkan kepada masyarakat umum dan dipertingkatkan di Brunei Darussalam kerana ia merupakan salah satu metode dakwah yang boleh memberi kesan kepada *mad'u*.

Selain itu, item ‘Pusat Dakwah Islamiah ada menggunakan pendekatan dakwah secara diskusi kepada sasaran dakwah’ ($\text{min}=3.16$) mendapat persetujuan 34% (128 orang). Dapatan ini disokong oleh Mohamad Riduan (2013) yang menjelaskan bahawa metode diskusi ini merupakan pendekatan dakwah yang sesuai terhadap golongan bukan Islam kerana ia lebih membuka ruang soal jawab dan bertukar pendapat. Oleh itu, pendakwah hendaklah menguasai ajaran Islam dengan baik agar mampu mengemukakan hujah dengan berkesan. Tujuan metode diskusi ini bukanlah untuk mencari kemenangan namun agar sasaran dakwah tunduk dan patuh terhadap kebenaran. Ini selari dengan pendapat Qutb (1971) & Maqrifah (2014) yang menyatakan bahawa antara perkara yang perlu diambil kira dalam metode diskusi ialah pendakwah tidak merendahkan pihak yang diajak berbincang, yakin bahawa tujuan perbincangannya bukannya mencari kemenangan dalam berhujah tetapi bertujuan untuk mencari kebenaran, ikhlas kerana Allah SWT, bebas daripada cengkaman hawa nafsu, meninggalkan fanatisme mazhab serta berprasangka baik terhadap orang lain. Namun, hampir separuh responden yang terlibat dalam kajian ini tidak tahu tentang pendekatan diskusi yang dianjurkan oleh Pusat Dakwah Islamiah (64.9%, 241 orang). Walhal, jika diteliti dalam Laporan Tahunan Pusat Dakwah Islamiah (2014), antara aktiviti yang menjadi

kewajipan bagi Pusat Dakwah Islamiah adalah mengadakan sesi diskusi dengan golongan belum Islam di tempat kediaman bahkan juga di tempat kerja mereka.

Secara kesimpulannya, purata keseluruhan persepsi masyarakat Islam terhadap metodologi dakwah daripada aspek gaya penyampaian Pusat Dakwah Islamiah Negara Brunei Darussalam adalah sederhana dengan mencapai nilai min=3.45. Oleh yang demikian, Pusat Dakwah Islamiah perlu mengambil inisiatif tertentu dalam pendekatan dakwah yang dijalankan demi memastikan masyarakat umum mendapat maklumat tentang program dan aktiviti dakwah yang dilaksanakan oleh Pusat Dakwah Islamiah. Masyarakat Islam khususnya di Negara Brunei Darussalam juga haruslah peka terhadap perkembangan dakwah masa kini.

KESIMPULAN

Kajian ini membincangkan mengenai persepsi masyarakat Islam terhadap pendekatan dakwah yang dilakukan oleh Pusat Dakwah Islamiah (PDI) di Brunei dari aspek gaya penyampaian. Pendekatan dakwah PDI yang mencapai nilai min paling tinggi ialah menggunakan bahasa yang mudah difahami dan diikuti oleh pendekatan dakwah yang lain seperti menggunakan pendekatan *mau'izah hasanah*, pendekatan bercerita, mesej dakwah yang disampaikan tidak terhad kepada ilmu Fiqh sahaja, menjalankan dakwah dengan lemah lembut sehingga memberi kesan kepada sasaran dakwah, menyampaikan dakwah kepada masyarakat dengan bijaksana iaitu menyesuaikan isi kandungan dakwah dengan sasaran dakwah, menggunakan pendekatan dakwah melalui kaunseling, pendekatan dakwah berbentuk perdebatan dengan menjaga adab sebagai seorang pendakwah, menggunakan pendekatan dakwah secara diskusi kepada sasaran dakwah dan menyampaikan dakwah kepada semua lapisan masyarakat yang ada di Brunei' tanpa mengira kedudukan dan status mereka dalam masyarakat. Implikasi kajian diharapkan dapat membantu Pusat Dakwah Islamiah dalam merancang pelan dan strategi dakwah untuk masyarakat di Brunei Darussalam. Selain itu juga, hasil dari kajian ini juga akan menjadi satu galakan kepada Pusat Dakwah Islamiah untuk menilai semula keberkesanan aktiviti dakwah yang dijalankan. Kajian ini juga dapat membantu Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam merancang apa juga strategi yang diperlukan demi untuk menjalankan dakwah yang lebih holistik kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini seterusnya mencadangkan Pusat Dakwah Islamiah dengan kerjasama

Kementerian Hal Ehwal Ugama menganjurkan suatu program berbentuk jerayawara atau *roadshow* untuk memberi kefahaman tentang Islam kepada masyarakat umum dengan tema yang mengikut kesesuaian dan keperluan masyarakat kerana ia lebih santai.

RUJUKAN

- Al-Quran.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. 1999. *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. 2005. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Don & Hailan Salamon. 2009. Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Pendekatan dan Cabaran. *Jurnal Al-Hikmah* 1: 39-50.
- Abu Bakar Abdul Rahman. 2012. Permasalahan Belia Semakin Meruncing. *Pelita Brunei*, 28 Disember.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2003. *Gejala Sosial dalam Masyarakat Islam Punca dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Aida Hartini Nan. 2012. Pelaksanaan Pendekatan Spiritual Dakwah dalam Kaunseling di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Abu Bakar Baginda Sungai Merab. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aishah Yusof. 1991. Pusat Dakwah dan Islamisasi di Brunei Darussalam. Tesis Sarjana. Institut Agama Islam Negeri Jakarta.
- Amaludin Ab. Rahman. 2008. *Perkhidmatan Kaunseling Pendekatan dalam Hikmah Berdakwah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Darwanto. 2000. Persepsi Mahasiswa Fakultas Tarbiyyah UIN Malang Terhadap Dakwah Manajemen Qalbu (AA Gym) Sebagai Upaya Memperbaiki Diri. Tesis Sarjana. Universiti Islam Negeri (UIN) Malang.
- Hisham Altalib. 1992. *Panduan Latihan Bagi Petugas Islam*. Terj: Wan Izzuddin. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Khazri Osman, Badlihisham Mohd Nasir, Siti Rugayah Tibek & Ahmad Irdha Mokhtar. 2015. Uslub Dakwah dalam Diwan Imam Syafi'i. *Jurnal Al-Hikmah* 7(2): 23-39.

- Laporan Tahunan Pusat Dakwah Islamiah. 2014. Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah.
- Mahmudah Nawawi. 2006. Keberkesanan Program Dakwah terhadap kakinangan Tenaga Nasional Berhad, Bangsar, Kuala Lumpur. Dlm. Nor Raudah Siren et.al (pnyt). *Dakwah Islam Semasa Konsep dan Perlaksanaan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Maqrifah. 2014. Mujadalah Menurut al-Quran. *Jurnal al-Bayan* 1:10. Aceh: Fakulti Dakwah dan Komunikasi UIN Ar-Ranir.
- Mohamad Riduan Ramlan. 2013. Aplikasi Persuasi Atas Talian Dalam Dakwah Hikmah Menerusi Blog. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Sanuse Rapie. 2015. Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Pusat Pemulihan Dadah Kampung Kupang Daerah Tutong. Tesis Sarjana Muda. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Muhammad. 2010. Pendidikan Agama Ubat Gejala Sosial. *Media Permata*, 28 Januari.
- Muhammad Khair Ramadhan. t.t. *al-Dakwah al-Islamiyah al-Wasail wa al-Aslib*. Riyadh.
- Nunshah Bin Abdull Gani. 2015. Kesan Internet Pada Pelajar-Pelajar : Satu Kajian Di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Brunei Darussalam. Tesis Sarjana Muda. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Nurul Fathiyah Ghazali. 2011. Kecenderungan Pembaca Remaja Terhadap Nover Popular Dakwah. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pusat Dakwah Islamiah. 2011. *Ristaan dan Pencapaian 25 tahun Pusat Dakwah Islamiah 1985 - 2010*. Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah.
- Qutb, Sayyid. 1971. *Fi Zilal al-Qur'an*. J.13. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Redzuan bin Meludin. 2014. Persepsi Masyarakat Cina di Brunei Darussalam Terhadap Agama Islam Dan Masyarakat Islam. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- al-Sabuni, Muhammad Ali. 1996. *Kemuliaan Para Nabi*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Saedah Siraj. 2006. Senario Pembangunan Akhlak: Menuju Negara Maju. Kertas Kerja Seminar Pembangunan Akhlak Dari Perspektif Islam di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya.
- Sekaran, U. 2003. *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. Singapore: John Wiley & Sons.

- Siti Fatimah & Ab. Halim Tamuri. 2010. Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berdasarkan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic dan Arabic Education* 2(2): 53-64.
- Siti Nafeesah Ishak. 2006. Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti Dakwah Dalam Pembentukan Akhlak Jamaah Dan Masyarakat Setempat, Satu Kajian Di Kolej 13, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Rugayah Hj. Tibek. 2011. Profesionalisme Dakwah: Harapan dan Cabaran. *Jurnal Al-Hikmah* 2: 167-173.
- Ubaidillah Alias. 2010. Menyeru Kepada Allah. Selangor:Rijal Media.
- Ummi Fa'izah Abdul Rahman. 2011. Persepsi Kakitangan Pusat Dakwah Islamiah terhadap Konsep Negara Zikir dan Pendekataannya di Brunei Daruassalam. Disertasi Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hussein Azmi. 1995. Organisasi dan Carta Gerakan Dakwah Islamiah Kini. Dlm. Sidi Gazalba & Zainab Ismail (pnyt.). *Dakwah Islamiah Masa Kini*. Bangi: Penerbit UKM
- al-Zain, Samih 'Atif. 1985. *Sifat al-Da'iyyah*. Beirut: Dar al-Kutub.
- Zainab Ismail. 2006. Keperluan penerapan nilai dakwah dalam kaunseling. Dlm. Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Tibek & Othman Talib (pnyt.). *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaydan, Abdul Karim. 1976. *Usul al-Dakwah*. Terj. Solehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Zaydan, Abdul Karim. 1979. *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*. Terj: H.M Asywadi Syukur. Jakarta.

*Dayang Hjh Ummi Fa'izah Hj Abdul Rahman
Jabatan Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia.
Mel-e: faezah2401@yahoo.com